

**DAP mahu Zahid buktikan jenayah terancang kerja bekas tahanan EO**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 26 , 2013**  
**OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail mengakui Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi terkhilaf berhubung 90 peratus jenayah terancang dilakukan oleh bekas tahanan Akta Ordinan Darurat (EO) yang ditahan di Simpang Renggam, kata Tony Pua (gambar).

Setiausaha Publisiti DAP itu menjelaskan, awal Julai lalu, Ahmad Zahid mengakui mempunyai statistik terbaru jenayah itu dan akan dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang bagi melihat keperluan mengembalikan EO supaya polis dapat menahan suspek tanpa bicara untuk tempoh dua tahun.

"Namun baru-baru ini Ahmad Zahid memberi kenyataan berbeza apabila meminta bersabar dan beliau pasti membentangkan statistik itu," katanya.

Pua berkata, Menteri Dalam Negeri itu berkata media perlu difahamkan terlebih dahulu dengan pendedahan itu sebelum maklumat berkaitan bekas tahanan EO didedahkan.

Bagaimanapun, katanya, Gani berkata selepas pemansuhan EO pada 2011, tiada bukti menyatakan 1,567 kertas siasatan yang dibuka dilakukan bekas tahanan itu, malah bukan sebahagian atau sedikit tetapi langsung tiada bukti.

"Peguam Negara dengan penuh yakin berkata polis hanya bergantung kepada EO bagi menahan suspek jenayah berat dan sudah ketagih dengannya. Ahmad Zahid dilihat membuat cerita rekaan berhubung kenyataan itu dan jika benar mempunyai statistik itu mengapa menunggu selama dua bulan untuk dibentangkan ke Parlimen," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Pua berkata, jika benar dakwaan Ahmad Zahid maka ia membuktikan polis tidak kompeten dan Menteri Dalam Negeri itu perlu patuh kepada cadangan Datuk Seri Najib Razak yang enggan mengembalikan EO.

Beliau berkata, polis harus belajar mencari bukti berbanding menahan tanpa bicara kerana Indeks Kadar Jenayah membuktikan walaupun semasa EO dikuatkuasakan, kadar jenayah tidak mencatatkan penurunan sebaliknya terus meningkat dari 2003 hingga 2008.

Semalam, The Malaysian Insider melaporkan Gani mengatakan EO gagal mengekang jenayah sejak dahulu lagi namun polis masih 'ketagih' mengembalikannya.

Beliau dipetik sebagai berkata, kebanyakan suspek yang ditahan tanpa bicara akan dibebaskan namun tidak meningkatkan tahap keselamatan awam kerana tahanan akan kembali kepada aktiviti lama mereka selepas dibebaskan.

Katanya, pihak berkuasa perlu memadamkan rekod tahanan tiga bulan selepas mereka dibebaskan daripada pusat tahanan di bawah EO dan ia bermakna tiada sebarang tindakan boleh dilakukan pihak polis.

Gani berkata, penubuhan EO tidak melalui Parlimen dan tidak dicadangkan untuk digunakan secara kekal.

Katanya, EO diluluskan Yang di Pertuan Agong atas nasihat badan eksekutif berikutan insiden rusuhan 13 Mei pada 1969.

"EO diperkenalkan untuk memenuhi keperluan semasa kerana berlaku banyak kehilangan nyawa dan harta selama beberapa hari berikutan insiden 13 Mei," katanya.

Gani berkata, tahanan EO pada ketika itu berdepan pendakwaan di mahkamah dengan memfailkan writ habeas corpus dan Pejabat Peguam Negara perlu memberi maklum balas.

Katanya, walaupun selepas penarikan balik EO pada 2011, tiada bukti daripada 1,567 kertas penyiasatan yang diserahkan dilakukan oleh bekas tahanan.

Beliau berkata, terdapat banyak lagi undang-undang, termasuk Kanun Keseksaan yang boleh digunakan untuk menahan dan mendakwa pesalah. – 26 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-mahu-zahid-buktikan-jenayah-terancang-kerja-bekas-tahanan-eo>